



KOWANGAN

Koperasi Kakitangan Kementerian Kewangan Sabah Berhad
Kementerian Kewangan, Tingkat 6, Blok C, Menara Kinabalu,
88400, Kota Kinabalu, Sabah.

KOW/100/3/92 JLD.11/(226)

07 Julai 2022

SEMUA AHLI KOWANGAN

MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE TIGA PULUH (30) TAHUN 2022

Dengan hormatnya saya diarah memaklumkan Tan Sri/Datuk/Datin/Tuan/Puan bahawa Mesyuarat Agung Tahunan 2022 akan diadakan pada ketetapan seperti berikut :-

Tarikh : 24 Julai 2022 (Ahad)
Masa : 9:00 pagi (**Pendaftaran bermula jam 8:00 hingga 9:00 pagi**)
Tempat : Dewan MAKSAK, Teluk Likas.

2. Agenda mesyuarat adalah seperti berikut :-

- 2.1 Kata alu-aluan Pengerusi KOWANGAN
- 2.2 Melantik seorang Pengerusi Mesyuarat
- 2.3 Melantik Setiausaha Sementara
- 2.4 Pengesahan Korum
- 2.5 Mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Tahunan Ke Dua Puluh Sembilan (29)
- 2.6 Menimbang dan menerima Laporan Lembaga Tahunan 2021
- 2.7 Laporan Jawatankuasa-Jawatankuasa Kecil
- 2.8 Menimbang dan Meluluskan Laporan Audit Dalaman 2021
- 2.9 Menimbang dan Meluluskan Penyata Kewangan Beraudit 2021
- 2.10 Menimbang dan Meluluskan Cadangan Pembahagian Keuntungan
- 2.11 Menimbang dan Meluluskan Anggaran Belanjawan Tahun 2022/2023
- 2.12 Menimbang dan Meluluskan Had Maksima Pinjaman Luar
- 2.13 Menimbang dan Meluluskan Had Maksima Pelaburan Koperasi
- 2.14 Memilih empat (4) orang anggota Lembaga KOWANGAN yang tamat tempoh mengikut giliran. Mereka adalah :
 - 2.14.1 Daniel Ng Chai Cheong
 - 2.14.2 Puan Anthea James Jipanus
 - 2.14.3 Puan Winifred Jouny
 - 2.14.4 Cik Josie Mijol
- 2.15 Meluluskan Pelantikan Panel Juruaudit Luar
- 2.16 Melantik satu (1) jawatankuasa yang terdiri daripada enam (6) orang anggota dan empat (4) orang anggota Lembaga untuk menentusahkan draf minit Mesyuarat Agung Tahunan.

- 2.17 Membahas usul-usul yang disampaikan kepada Setiausaha sekurang-kurangnya tujuh (7) hari sebelum Mesyuarat Agung Tahunan.
- 2.18 Menimbang dan Meluluskan Cadangan Pindaan Undang-undang Kecil Koperasi.
3. Mohon sediakan kad keahlian KOWANGAN / Kad Pengenalan semasa membuat pendaftaran. Elaun kehadiran hendaklah dituntut selepas selesainya Mesyuarat Agung Tahunan iaitu pada hari yang sama dan sebarang tuntutan selepas itu tidak akan dilayan. Sila layari <http://kowangan.sabah.org.my> untuk maklumat lanjut.
4. Anggota WAJIB mematuhi segala SOP COVID-19 yang sedang berkuatkuasa sepanjang masa Mesyuarat Agung Tahunan.
5. Borang pencalonan untuk perkara 2.14 adalah seperti yang dilampirkan dan boleh juga didapati daripada Puan Winifred Jouny melalui : 088-368821, Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri, Tingkat 6 & 7, Blok A, Menara Kinabalu, Jalan UMS, Teluk Likas, 88400 KOTA KINABALU.
6. Tarikh tutup penyerahan borang tersebut ialah tepat jam 12.00 tengah hari, 15 Julai 2022.
7. Tan Sri/Datuk/Datin/Tuan/Puan dengan hormatnya dijemput hadir bagi menjayakan mesyuarat ini untuk kepentingan bersama.

Sekian, terima kasih.

“BERUSAHA MAJU BERSAMA”



DANIEL NG CHAI CHEONG
Setiausaha KOWANGAN

- s.k Pengerusi KOWANGAN – Pengerusi Mesyuarat - Untuk Makluman
- “ Setiausaha Tetap,
Kementerian Kewangan,
Kota Kinabalu. - Untuk Makluman